

Asean halusi

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

usul desak

Vietnam undur

JAKARTA, Isnin — Menteri-Menteri Luar Asean hari ini memutuskan untuk membentuk satu pasukan petugas bagi 'menghalusi' usul mendesak pengunduran tentera asing dari Kampuchea.

"Kami membincangkan isu Kampuchea dan keputusan paling penting ialah menyerahkan perenggan kelima resolusi kepada para pegawai kanan kami," kata Menteri Luar Indonesia, Mochtar Kusumaatmadja di akhir sidang setengah hari itu.

"Kami membentuk satu pasukan petugas mengandungi para pegawai kanan Asean untuk menghalusi perenggan kelima dalam masa sebulan, mereka akan mengemukakan sesuatu yang lebih mendalam," tambah beliau.

Anggota-anggota Asean — Thai-

land, Malaysia, Singapura, Indonesia dan Filipina — mendapat sokongan Bangsa-Bangsa Bersatu atas usul menyeru pengunduran semua tentera asing dari Kampuchea mengikut 'wilayah' bukan bilangan seperti yang dicadangkan oleh kerajaan Hanoi.

Mereka, khususnya, akan meneliti semula langkah-langkah yang mungkin diambil untuk mencapai penyelesaian politik, antaranya pengunduran cara berperingkat-peringkat 180,000 askar Vietnam dari Kampuchea.

Kekosongan

Langkah-langkah tersebut termasuk mengadakan pasukan pengaman antarabangsa bagi mengisi kekosongan jika dan bila askar-askar Vietnam mula berundur, tetapi garis dasar itu tidak jelas tentang slapa yang akan menyertai pasukan pengaman itu.

Para Menteri Luar itu dijangka tidak akan mengambil tindakan

tegas terhadap Australia kerana sikapnya yang enggan menyertai usul tajaan Asean mengenai Kampuchea di Bangsa-Bangsa Bersatu baru-baru ini, kata para diplomat.

Prof Mochtar pernah berkata bahawa hubungan Australia-Asean, tetapi tidak semestinya sekatan terhadap Canberra, akan dibincangkan dalam persidangan itu. Para diplomat juga berkata, Perdana Menteri Australia, Bob Hawke, akan melawat Thailand lewat bulan ini.

Hawke sendiri baru-baru ini menganggap sengketa tidak menyertai usul Asean itu sebagai "sengketa kecil sementara dalam hubungan yang pada dasarnya adalah dingin."

Perdana Menteri Thailand, Siddhi Savetsila, ketika tiba di sini semalam berkata beliau sendiri tidak akan mencadangkan sekatan ke atas Australia kerana Asean sudah lama mengadakan hubungan dengan Canberra. — Reuter.